

PENUTUP

1. Secara umumnya, berdasarkan pengesahan Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2020, Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Agensi perlu memastikan pengurusan kewangan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta memantapkan mekanisme pemantauan, sistem kawalan dalaman serta struktur tadbir urus. Selain itu, prestasi pematuhan hanya boleh dipertingkatkan sekiranya Pegawai Pengawal dan Ketua Agensi bukan sahaja mengambil tindakan membetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, juga mengambil tindakan pencegahan bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang.
2. Pelaporan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 menekankan kepada enam perkara utama, iaitu Lebihan atau Kurangan Terkumpul; Kebergantungan Agensi Persekutuan Kepada Pinjaman; Terimaan Tidak Dikenal Pasti; Prestasi Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari; Aset Luar Jangka dan Liabiliti Luar Jangka; dan Kesan Pandemik Covid-19.
3. Selain itu, pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap lima Agensi Persekutuan yang melibatkan lima tajuk. Antara perkara yang dilaporkan adalah berkaitan isu pembaziran, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam disebabkan ketidakpatuhan kepada undang-undang, peraturan serta polisi kewangan yang telah ditetapkan.
4. Pegawai Pengawal kementerian/jabatan/agensi perlu mematuhi undang-undang/peraturan/polisi kewangan dan perolehan yang telah ditetapkan dan yang berkuat kuasa serta rekod perakaunan yang berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini dalam setiap urusan yang dilaksanakan. Selain itu, kementerian/jabatan/agensi hendaklah mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai dalam pengurusan kewangan dan pemahaman piawaian perakaunan.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
22 Februari 2022**